



BULETIN KSKIPL

Edisi 3

Januari - Mac

Apa Yang Menarik?

- Pertandingan Bowling
- Lawatan ke TV3



Pertandingan Bowling

Pada 20 Februari telah berlangsungnya pertandingan bowling KSKIPL di tempat ketiga milik kumpulan ngesot2 yang dianggotai oleh En. Mohd Fazdli, En. Mohd Noor, En. Mohd Nazri dan Pn. Lili Mariam.

Seramai 77 orang ahli KSKIPL telah menggemarkan suasana di Pusat bowling Plaza Alam Sentral Shah Alam. 19 kumpulan telah bertanding bagi merebut gelaran juara kumpulan yang telah membawa pulang wang tunai berjumlah RM 300.00 berserta voucher JUSCO bernilai RM 80.00.

Juara kumpulan bowling pada hari tersebut nyata berpihak kepada kumpulan yang dianggotai oleh ratu bowling Jabatan Laut iaitu Pn Suzana Suarni bersama 3 orang ahli kumpulannya iaitu En. Cornelius, En. Baharuddin dan En. Zainal Fitri yang menggelarkan kumpulan mereka dengan nama Haru Biru.

Manakala naib johan disandang oleh kumpulan Fantastic 4 bebeh!!! yang dianggotai oleh En. Adam Ronny, En. Mohd Hanif, En. Khairun Azmi dan Cik Hafizah

Sementara itu, Pn. Suzana juga telah muncul juara perseorangan bagi kategori wanita mengalah 18 peserta wanita yang lain. Manakala tempat kedua disandang oleh Pn. Norisnida dan tempat ketiga milik Pn. Noor Adilla.

Manakala bagi kategori lelaki pula telah dimenangi oleh Pegawai Laut baru iaitu En Adam Ronny Rosli seterusnya melayakkan beliau dianugerahkan sebagai Individu *High Score* dengan 211 jatuhan pin. Manakala tempat kedua dimenangi oleh Bendahari KSKIPL En. Cornelius

(lagi di muka 2)



dan tempat ketiga di menangi oleh En. Norman yang juga merupakan Biro Sukan KSKIPL.



Acara pada hari tersebut dimulakan dengan Y.Bhg. Dato' Kapten Ahmad membuat balingan emas.

Seterusnya pertandingan bowling telah berlangsung dengan penuh semangat kesukaran dan bersaing antara satu sama lain.


Pertandingan bowling ke- 11 hingga ke-7 dan pada hari tersebut telah akhir sekali Tn. Hj. berakhir kira-kira jam 2.00 Baharin telah menyempatkan purnakan penyampaian hadiah bagi acara kumpulan dari tempat ke -6 hingga juara kumpulan. Tn. Hj Baharin juga telah menyampaikan hadiah bagi kategori lelaki, wanita, individu *high score* dan Hadiah Misteri.

Namun sebelum itu, berlangsungnya acara penyampaian hadiah kepada semua pemenang. Tn. Hj. Ramli telah membuat cabutan bertuah untuk lane sterusnya menyampaikan hadiah kepada semua pemenang.

Seterusnya En. Khairudin telah menyampaikan hadiah bagi pemenang kumpulan dari tempat

Hadiah menteri telah menjadi milik kumpulan Lu Pikirla Sendiri yang dianggotai oleh En. Zamri, En. Safri, En. Anuar dan Pn. Siti Suhana. Kumpulan ini dipilih kerana mereka merupakan kumpulan yang paling ceria.

Kepada semua pemenang tahniah diucapkan dan yang kepada yang tidak menang jangan putus asa, banyakkan latihan, cuba lagi di masa hadapan.





Lawatan Sambil Belajar Ke TV3

Seramai 14 orang ahli KSKIPL telah berpeluang melawat stesen TV terkemuka iaitu TV3 pada 11 Februari yang lalu.

Lawatan ini merupakan jemputan dari Kelab Sukan & Kebajikan Wilayah Tengah.

Se mu a peserta berpeluang melihat kesemua set pentas yang ada termasuk set pentas untuk TV9. Oleh kerana TV3 merupakan stesen di bawah media prima kami juga telah dibawa melawat ke stesen-stesen radio termasuk hot.fm, fly.fm dan lite.fm dan berkesempatan berjumpa Faizal Ismail.

Kemudian peserta juga bertuah kerana bukan

sahaja diberi peluang untuk melihat set berita TV3 malah diberi peluang untuk melihat sendiri pembaca berita membaca berita Biz World jam 11.30 pagi.

Akhir sekali, para peserta ke One Utama untuk menyaksikan siaran langsung Wanita Hari ini.

Lawatan ini pastinya telah memberi banyak pendedahan dan pengalaman manis kepada semua peserta yang rata-ratanya kali pertama menjelak kaki ke di Sri Pentas Bandar Utama, Petaling Jaya.



Program-Program KSKIPL sepanjang Tahun 2009 & 2010

BIL.	PERKARA	TARIKH/MASA/TEMPAT
1.	Aktiviti Mencandat Sotong	Kuala Terengganu 24-26/4/2009
2.	Perlawanan Futsal antara bahagian	Pusat Futsal Pelabuhan Klang 23/5/2009
3.	Lawatan Sambil Belajar ke Kilang Roti Gardenia	Kilang Roti Gardenia Shah Alam 15/6/2009
4.	Perlawanan Bowling	Plaza Alam Sentral, Shah Alam 20/6/2009
5.	Pertandingan Memancing	Jeti ILPPPL 18/7/2009
6.	Malam Mesra KSKIPL & Pertandingan Karaoke	Dataran IPL 18/7/2009
7.	Pertandingan Badminton Terbuka	Dewan MPK, Pelabuhan Klang 8/8/2009
8.	Perlawanan Persahabatan Badminton di antara Pejabat Tanah Daerah Petaling (PETANDA) dan JLSM	Dewan Kenanga, Pejabat Tanah Daerah Petaling 12/8/2009
9.	Bacaan Yaasiin & Tahlil sempena menyambut Bulan Ramadhan	Surau ILPPPL 1 /9/2009
10.	Pemberian Hamper di Unit VTS/MRCC Sempena Hari Raya Aidilfitri	Unit VTS/MRCC 15/9/2009
11.	Majlis Penyerahan Bendera sempena Ekspedisi Menawan Gunung Kinabalu	Dataran IPL 7/10/2009
12.	Latihan Bersama dengan peserta Ekspedisi Gunung Kinabalu	Sungai Congkak & Gunung Nuang 10/10/2009
13.	Ekspedisi Menawan Gunung Kinabalu	Gunung Kinabalu 19-21/10/2009
14.	Majlis Bacaan Yaasin & Doa Selamat untuk semua ahli dan ahli2 keluarga yg menjalani ibadah haji	Surau Nurul Huda, Jln Limbungan 30/10/2009
15.	Perlawanan Bola Sepak Persahabatan di Antara IPL dan USIM	Padang USIM, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan 6/11/2009
16.	Majlis Bacaan Yaasin & Doa Selamat untuk En. Abdul Rahman bin Jalil, Unit Bantuan Pelayaran, BKP	Surau Nurul Huda, Jln Limbungan 19/11/2009
17.	Pertandingan Bowling sempena Hari Maritim Sedunia 2009	Ampang Leisure Mall, Johor Bahru 21/11/2009
18.	Perlawanan Persahabatan Futsal di antara JLSM dan Pejabat Tanah Daerah Petaling (PETANDA)	Pusat Futsal Pelabuhan Klang 19/08/2009
19.	FAMILY DAY KSKIPL 2009	Mayangsari Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan 26-27/12/2009
21.	Pertandingan Bowling	Plaza Alam Sentral, Shah Alam, 20/02/10